

## Dasar Kuki Tools for Humanity

Dasar Kuki ini menerangkan bagaimana Tools for Humanity Corporation dan ahli gabungannya (secara kolektif “kita”, “milik kami”, “kami” atau “TFH”), menggunakan kuki dan teknologi seumpamanya, seperti suar web, untuk menjejaki pergerakan dalam talian pengguna kami apabila mereka layari laman sesawang kami dan Perkhidmatan- lain. Suar web adalah teknik yang digunakan pada halaman sesawang untuk memeriksa secara tersembunyi (biasanya secara tidak kelihatan) sama ada pengguna telah mengakses sesuatu kandungan. Dasar Kuki ini digunapakai dan berlandaskan pada Notis Privasi Tools for Humanity.

Bergantung pada laman sesawang kami yang anda layari, kami menggunakan kuki yang berbeza. Kami menggunakan teknik nama samaran pada semua kuki untuk memastikan privasi pengguna terjamin.

Kami menggunakan jenis kuki berikut:

**Kuki Yang Amat Diperlukan:** Kuki ini diperlukan untuk Perkhidmatan berfungsi dan tidak boleh dihentikan dalam sistem kami. Biasanya, kuki hanya digunakan apabila anda melakukan tindakan yang menunjukkan permintaan perkhidmatan, seperti log masuk atau mengisi borang. Ini juga termasuk kuki yang digunakan bagi tujuan mencegah penipuan. Anda boleh menetapkan penyemak imbas anda untuk menyekat atau memaklumkan anda tentang kuki ini, tetapi sesetengah Perkhidmatan mungkin tidak berfungsi. Asas undang-undang untuk menggunakan Kuki Yang Amat Diperlukan ini adalah untuk kepentingan sah. Matlamat yang sah adalah untuk menyediakan maklumat percuma dalam talian kepada individu yang bebas memilih untuk melayari laman sesawang tersebut yang tidak akan berfungsi tanpa Kuki yang Amat Diperlukan.

**Kuki Prestasi/Analitik:** Kuki ini membolehkan kami mengira lawatan dan sumber trafik supaya kami boleh mengukur dan meningkatkan prestasi Perkhidmatan kami. Kuki ini membantu kami memahami populariti halaman dan pergerakan pelawat di sekitar Perkhidmatan. Semua maklumat yang dikumpul oleh kuki ini dikumpulkan secara keseluruhan dan oleh itu adalah secara tanpa nama. Jika anda tidak membenarkan kuki ini, kami tidak akan tahu bila anda telah menggunakan Perkhidmatan kami dan kami tidak akan dapat memantau prestasi Perkhidmatan kami. Asas undang-undang untuk menggunakan Kuki Prestasi/Analitik adalah persetujuan pengguna. Persetujuan anda boleh ditarik balik secara sukarela pada bila-bila masa.

**Kuki Kefungsian:** Kuki ini membolehkan kami mengingatkan pilihan yang anda buat dan menyesuaikan Perkhidmatan kami supaya kami boleh menyediakan kandungan yang bersesuaian untuk anda. Contohnya, kuki kefungsian boleh mengingatkan pilihan anda (cth, pemilihan negara atau bahasa), atau nama pengguna anda. Asas undang-undang untuk menggunakan Kuki Fungsian adalah persetujuan pengguna. Persetujuan anda boleh ditarik balik secara sukarela pada bila-bila masa.

Berikut ialah senarai kuki yang kami gunakan untuk bahagian laman sesawang yang berlainan:

Laman Web	Kuki yang digunakan
toolsforhumanity.com	Di laman sesawang toolsforhumanity.com kami menggunakan Kuki yang Amat Diperlukan dan Kuki Prestasi/Analitik pilihan (satu kuki bagi setiap kategori). Kami hanya menggunakan analitik untuk menambah baik produk kami. Kami tidak menjual data anda kepada pihak ketiga untuk tujuan pengiklanan.

Kami dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami menggunakan suar web atas sebab-sebab yang dinyatakan di bawah, terutamanya untuk membantu kami mengurus kandungan pada Perkhidmatan kami dengan lebih baik dengan memaklumkan kepada kami kandungan yang berkesan.

Bersama-sama, alatan ini membolehkan kami:

- Melakukan analisis laman sesawang;

- Mencegah penipuan dan mencegah serangan terhadap laman sesawang dan Perkhidmatan kami; dan

Kami menggunakan kuki dan penjejak untuk memberikan anda penganalisisan unik supaya kami boleh merekodkan:

- Laman sesawang yang anda layari
- Alamat IP Anda

Anda boleh menyekat kuki pada bila-bila masa menggunakan tetapan pelayar sesawang anda, tetapi melakukan sedemikian boleh menjejaskan pengalaman pelayar sesawang anda dan keupayaan anda untuk menggunakan ciri tertentu Perkhidmatan tersebut.

#### **BERAPA LAMA KUKI AKAN KEKAL DI PERANTI PENYEMAK IMBAS SAYA?**

Tempoh masa kuki akan kekal pada peranti pelayar sesawang anda bergantung pada sama ada ia adalah kuki "berterusan" atau "bersesi". Kuki bersesi hanya akan kekal pada peranti anda sehingga anda menutup pelayar sesawang anda. Kuki berterusan akan kekal pada peranti pelayar sesawang anda sehingga tamat tempoh atau dipadamkan.

#### **CARA MENGURUS KUKI DAN TEKNOLOGI YANG SEUMPAMA**

Anda berhak untuk memutuskan sama ada untuk menerima kuki yang bukan Kuki yang Amat Diperlukan.

Anda juga boleh memilih cara kuki (merentas semua laman sesawang) dikendalikan pada peranti anda melalui tetapan pelayar sesawang anda termasuk menyekat atau memadam semua kuki atau hanya kuki dari pihak ketiga. Setiap pengeluar pelayar sesawang adalah berbeza, jadi semak menu "Bantuan" pelayar sesawang anda untuk mengetahui cara menukar pilihan kuki anda.

Selain itu, kebanyakan rangkaian pengiklanan menawarkan anda cara untuk menarik diri daripada pengiklanan yang disasarkan. Jika anda ingin mengetahui maklumat lanjut, sila lawati [aboutads.info/choices/](http://aboutads.info/choices/) atau [youronlinechoices.com](http://youronlinechoices.com).

Jangan Jejak: Sesetengah pelayar Internet - seperti Internet Explorer, Firefox dan Safari - mempunyai keupayaan untuk menghantar isyarat "Jangan Jejak" atau "DNT". Memandangkan standard seragam untuk isyarat "DNT" belum diterima pakai, Laman kami tidak memproses atau bertindak balas kepada isyarat "DNT" pada masa ini.

#### **ADAKAH DASAR KUKI INI AKAN DIKEMAS KINI?**

Kami mungkin mengemas kini Dasar Kuki ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan, sebagai contoh, perubahan pada kuki yang kami gunakan atau atas sebab operasi, undang-undang atau peraturan yang lain. Sekiranya terdapat sebarang kemas kini, anda akan diberitahu apabila anda melayari laman sesawang kami selepas perubahan itu berlaku. Anda juga boleh melawat semula laman ini jika anda ingin terus dimaklumkan.

TFHCP20221214 (OT)